

# Hutan paya bakau perlu dipertahankan, dipulihara

MALAYSIA adalah sebuah negara yang dikelilingi laut dan terdapat banyak pantai berlumpur ditumbuhi pokok-pokok bakau.

Sungai Sepang Besar yang terletak di Sepang, Selangor adalah contoh hutan paya bakau yang masih terpelihara.

**Pensyarah Jabatan Biologi, Fakulti Sains, Universiti Putra Malaysia, Prof. Ahmad Ismail** berkata, hutan paya bakau mempunyai banyak kepentingan



AHMAD

kepada manusia harus terus dijaga.

“Hutan paya bakau terutamanya di Sungai Sepang berperanan sebagai tempat pembiakan dan pertumbuhan hidupan laut seperti pelbagai jenis ikan dan udang.

“Kawasan tersebut juga menjadi habitat kepada hidupan sebagai habitat hidupan liar,” katanya ketika dihubungi *Kosmo!* baru-baru ini.

Ujarnya, hutan bakau juga

menyumbang kepada punca rezeki nelayan pesisir pantai dan kaki pancing.

Tambah beliau, apabila ekosistem semula jadi terjaga dengan baik, ia secara tidak langsung akan menarik kedatangan pelancongan terutama kaki pancing, penggemar pemerhati burung dan pelancong yang ingin menikmati keindahan alam di sepanjang sungai dengan menaiki bot.

“Dengan kehadiran pelancong dan permintaan tinggi daripada

pengusaha pelancongan, maka habitat hidupan hutan bakau sepanjang sungai akan terjaga dan dilindungi,” jelas beliau.

Mengulas lanjut, Ahmad berkata, langkah berkesan perlu diambil agar hutan bakau terus terpelihara.

“Kita sudah ada peraturan dan panduan bagi menjaga tebing sungai dan kawasan penampakan.

“Pemantauan dan penguatkuasaan undang-undang perlu dilaksanakan pihak berwajib selain memberi pendedahan kepada penduduk tempatan,” ujarnya.